# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## SELASA 17 OKTOBER 2023

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | SUSUN SUBSIDI, PASTIKAN HARGA AYAM TAK BEBANKAN RAKYAT, NEGARA, KOSMO -16 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) |
| 2. | SALUR TERUS PERUNTUKAN PERTUBUHAN PELADANG SABAH, SARAWAK, TEMPATAN, HARIAN EKSPRESS (KK) -3 | |
| 3. | MAFS TO ANNOUNCE SOLUTION TO FLOATING CHICKEN, EGG PRICES TOMORROW, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A4 | |
| 4. | FISHERIES DG: NEW PATROL BOATS TO REINFORCE DEFENCE OVER SARAWAK WATERS, HOME, BORNEO POST (KUCHING) -1 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 5. | SABAH TO PUBLISH FIVE FISHERIES PLANS, HOME, BORNEO POST (KK) -3 | |
| 6. | BOMBED FISH: FOUR JAILED, NATION, DAILY EKSPRESS (KK) -6 | |
| 7. | BELIAN PADI RM1,500 PER TAN MUNASABAH, NEGARA, KOSMO -16 | LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA) |
| 8. | HARGA BAHARU BELIAN PADI MASIH RENDAH, DALAM NEGERI, UM -32 | |
| 9. | 4,839 HEKTAR TANAH DI SABAH, SARAWAK JADI TEMPAT TANAM PADI, NASIONAL, SH -10 | LAIN-LAIN |
| 10. | KERAJAAN DICADANG APUNGKAN HARGA BERAS PUTIH TEMPATAN, NASIONAL, SH -10 | |
| 11. | BAKAL JADI NEGERI 'JELAPANG PADI' BARU, LOKAL, HM -18 | |
| 12. | RM30 JUTA SUDAH DISALUR KEPADA PESAWAH, LOKAL, HM -18 | |
| 13. | HARGA AYAM NAIK 4 KALI DALAM SEMINGGU, LOKAL, HM -21 | |
| 14. | HARGA AYAM NAIK EMPAT KALI DALAM SEMINGGU, NASIONAL, BH -13 | |
| 15. | SAHAM SYARIKAT TELUR, AYAM MENINGKAT, EKONOMI, UM -35 | |
| 16. | CHICKEN AND EGG ISSUE WILL BE TACKLED, PLEDGES PM, NATION, THE STAR -2 | |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 17/10/2023 | KOSMO | NEGARA | 16 |

# Susun subsidi, pastikan harga ayam tak bebankan rakyat

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Perpaduan diharapkan dapat menyusun kaedah subsidi paling efektif supaya langkah kerajaan untuk tidak melaksanakan harga kawalan ayam dan telur tidak membebankan rakyat terutama golongan berpendapatan rendah (B40).

Pengerusi Jawatankuasa Agroteknologi dan Keterjaminan Makanan, Pembangunan Koperasi negeri, Fahmi Zainol berkata, perkara itu juga bagi memastikan subsidi kerajaan dapat disampaikan terus kepada golongan yang memerlukan.

"Langkah ini penting supaya tidak merugikan penternak, seterusnya membolehkan pasaran tempatan dapat berfungsi semula dengan bebas agar keterjaminan bekalan ayam dan telur di pasaran kukuh.


Adakah harga ayam, telur akan naik?

KERATAN *Kosmo!* semalam.

"Kerajaan perlu menyusun kaedah subsidi supaya pembatalan harga kawalan ayam dan telur tidak membebankan golongan B40 kerana ayam dan telur merupakan sumber protein paling murah untuk mereka," katanya di sini, semalam.

Dalam pembentangan Belanjawan 2024, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memberitahu, kawalan harga sementara bagi telur dan ayam yang ditetapkan sebelum ini akan dilepaskan supaya pasaran tempatan boleh berfungsi dengan bebas dalam memastikan keterjaminan bekalan tersebut di pasaran.

Menurutnya, sejak Februari 2022, subsidi telur dan ayam yang dahulu hanya diperkenalkan pada musim perayaan, tetapi berterusan dengan tanggungan kerajaan sejak itu adalah RM3.8 bilion untuk subsidi telur dan ayam termasuk untuk golongan kaya serta orang asing.

Dalam perkembangan lain, Fahmi berkata, pembangunan sektor agro makanan yang mampan dan terjamin amat bergantung kepada kemajuan agenda pemodenan pertanian.

"Oleh yang demikian, saya menyambut baik pengumuman RM400 juta untuk melaksanakan Program Pengukuhan Keterjaminan Makanan, di mana RM150 juta untuk kerjasama dengan kerajaan negeri dalam mengoptimum penggunaan tanah bagi meningkatkan hasil tanaman.

"Kerajaan negeri Pulau Pinang berharap untuk mendapat manfaat daripada program ini bagi mentransformasi aktiviti pertanian dalam negeri ke arah pertanian pintar," katanya.

Kenaikan RM100 tidak mampu tanggung kos tinggi

# Belian padi RM1,500 per tan munasabah

Oleh JAMLIAH ABDULLAH

**ALOR SETAR** – Badan Bertindak Petani Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) menyifatkan belian padi pada harga RM1,300 per tan tidak cukup untuk menampung kos input yang semakin meningkat ketika ini.

Pengerusinya, Che Ani Mat Zain berkata, sehubungan itu, pihaknya berharap kerajaan menaikkan harga siling beras daripada RM2.60 kepada RM3.50 sekilogram (kg) bagi membantu petani menerima harga jualan padi yang lebih munasabah.

"Di pihak pesawah kita rasa sedikit kecewa, kita menjangkakan harga belian padi naik RM1,400 atau RM1,500 per tan.

"Bagaimanapun jangkaan kami meleset apabila harga belian hanya naik RM100, ia tidak mencukupi untuk mengurangkan kos input tinggi," katanya.

Dalam Belanjawan 2024, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan harga lantai belian padi dinaikkan daripada RM1,200 kepada RM1,300 per tan.

Che Ani berkata, harga lantai sebanyak RM1,300 masih jauh daripada RM1,700 per tan yang dibayar oleh pengilang padi sebelum tiba-tiba menurunkan harga kepada RM1,250 baru-baru ini.

Beliau menjelaskan, harga siling beras RM2.60 sekilogram adalah terendah di Asia Tenggara serta tidak lagi relevan kerana kos input meningkat beberapa kali ganda sejak sedekad lalu.

"Malah di Vietnam, Thailand dan Laos yang merupakan pengeluar utama beras di rantau ini, beras putih dijual masing-masing pada harga RM3.60, RM3.50 dan RM5.70 sekilogram, tetapi kita masih menjual pada harga RM2.60 sekilogram.

"Harga itu perlu dikaji semula untuk menggambarkan kos pengeluaran semasa dan risiko yang perlu ditanggung apabila tanaman rosak," katanya.

Seorang petani, Muhammad Aeffandi Aziz, 40, berkata, kos mengerjakan sawah ketika ini meningkat antara RM10 hingga RM20 setiap relung termasuk upah mesin padi dan traktor.

"Apabila belian padi naik RM1,700, pengusaha mesin padi dan traktor mula naikkan upah sewa, namun apabila harga belian turun, takkan mereka akan turunkan semula?," soalnya.



**BELIAN padi yang naik RM100 kepada RM1,300 disifatkan sedikit serta belum cukup untuk menampung kos input tinggi bagi mengusahakan tanaman berkenaan.** – GAMBAR HIASAN

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | `Salur terus peruntukan pertubuhan peladang Sabah, S'wak' | | |
| MediaTitle | Harian Ekspres (KK) | | |
| Date | 17 Oct 2023 | Color | Black/white |
| Section | Tempatan | Circulation | 25,055 |
| Page No | 3 | Readership | 75,165 |
| Language | Malay | ArticleSize | 313 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 665 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 1,995 |



# 'Salur terus peruntukan pertubuhan peladang Sabah, S'wak'

KOTA KINABALU: Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) Sabah mencadangkan agar peruntukan untuk pertubuhan peladang di Sabah dan Sarawak disalurkan terus kepada kedua-dua negeri mulai tahun depan berbanding melalui Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) ketika ini.

Pengerusi PPN Sabah, Datuk Mohd Nazri Abdullah, berkata pendekatan itu sejajar dengan kesungguhan kerajaan persekutuan menunaikan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) bagi memastikan keperluan Sabah dan Sarawak dapat dipenuhi.

Katanya, usul mengenai kaedah penyaluran peruntukan kepada kedua-dua negeri Borneo itu diputuskan sebulat suara oleh perwakilan ketika Mesyuarat Agung Tahunan PPN Sabah yang diadakan pada Jumaat lalu.

"PPN Sabah baru selesai Mesyuarat Agung Tahunan pada Jumaat lalu yang mana semua perwakilan dari 26 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan PPN mengusulkan bahawa bermula tahun depan semua peruntukan kepada Sabah dan Sarawak haruslah diberi pertimbangan untuk diberikan terus kepada PPN negeri itu sendiri berbanding sekarang dikendalikan oleh Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas).

"Ini sejajar dengan komitmen kerajaan seperti disuarakan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bahawa beliau akan menimbangkan apa saja untuk Sabah dan Sarawak sesuai dengan MA63," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Ahli Jemaah Pengarah (AJP) PPN Sabah, di sini.

Beliau berkata, penyaluran peruntukan secara terus kepada PPN Sabah dan Sarawak dapat memastikan bantuan kepada golongan peladang, penternak dan nelayan disalurkan dengan lebih cepat agar manfaatnya dapat dinikmati segera oleh golongan sasar.

Katanya, Perdana Menteri pasti memahami keperluan golongan peladang, penternak dan nelayan lebih-lebih lagi di Sabah dan Sarawak, yang sememangnya memerlukan lebih banyak pembelaan dalam usaha menaikkan taraf hidup mereka.

Menerusi penyaluran terus peruntukan itu, katanya, golongan peladang, penternak dan nelayan di Sabah dan Sarawak dapat menerima bantuan yang disediakan oleh kerajaan dengan lebih cepat berbanding melalui Nafas ketika ini.

Selain itu, ini juga dapat menjimatkan belanja kerajaan dari segi kos logistik penghantaran input dari semenanjung.

"Kita juga akan menulis surat kepada Perdana Menteri dan kita yakin beliau akan memberi pertimbangan terhadap perkara ini.

"Kalau ini terlaksana, ia akan mempercepatkan bantuan kepada masyarakat yang menerimanya kerana ia dibuat dan diproses di Sabah dan Sarawak sebelum dihantar kepada penerima.

"Jadi, bantuan itu cepat sampai, sekali gus dapat membantu memudahkan usaha kerajaan melaksanakan penyaluran bantuan," katanya.

Pada Mesyuarat Agung Tahunan PPN Sabah Kali Ke-35 itu pada 13 Oktober lalu, beberapa usul diluluskan perwakilan dalam menambah baik keberkesanan badan berkenaan di negeri ini.

Antaranya, memohon kepada kerajaan, melalui Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) untuk menganugerahkan pelaksanaan kerja Kontrak Pembekalan Baja dan Racun di bawah Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP), Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP) serta Skim Subsidi Baja dan Racun Padi Bukit (SBRPB) di Negeri Sabah kepada PPN Sabah.

Ia bagi membolehkan kerja pengedaran input kepada petani berdaftar di Sabah dilaksanakan sendiri oleh PPN Sabah bersama 27 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di Sabah dan tidak lagi diberi kepada Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) yang berpangkalan dan diuruskan di Semenanjung Malaysia.

Menerusi usul itu, kaedah pengurusan dan pelaksanaan pengedaran peruntukan untuk petani Sabah dilaksanakan sendiri secara berpusat oleh organisasi dari Sabah bagi menepati selain bersesuaian dengan MA63.

Sementara itu, Mohd Nazri menyifatkan Belanjawan 2024 yang dibentangkan Perdana Menteri pada Jumaat lalu sebagai belanjawan yang baik dan besar manfaatnya kepada masyarakat termasuk ahli Pertubuhan Peladang di Sabah.

"Kita berterima kasih kepada Perdana Menteri yang prihatin terhadap masyarakat peladang, penternak dan nelayan.

"Dengan sumbangan yang besar dalam belanjawan tahun depan, kita yakin banyak manfaat dapat dinikmati golongan peladang, penternak dan nelayan dalam semua bidang yang mereka ceburi," katanya.

Belanjawan 2024 yang dibentangkan Perdana Menteri antara lain menyediakan dana RM 2.6 bilion bagi menyalurkan pelbagai bentuk subsidi dan insentif kepada pesawah dan nelayan selain RM400 juta untuk melaksanakan Program Pengukuhan Keterjaminan Makanan.

Peruntukan berkenaan secara tidak langsung memberi manfaat kepada golongan peladang, penternak dan nelayan termasuk di Sabah dan Sarawak.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | MAFS to announce solution to floating chicken, egg prices tomorrow | | |
| MediaTitle | Nanyang Siang Pau | | |
| Date | 17 Oct 2023 | Color | Full Color |
| Section | National | Circulation | 27,667 |
| Page No | A4 | Readership | 83,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 168 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,113 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 6,340 |





黄俊仪

# 农业部明日公布肉鸡鸡蛋浮动价

报道 张燕萍

（吉隆坡16日讯）马来西亚禽畜业联合总会指出，农业及粮食安全部预计将于本周三（18日）公布肉鸡和鸡蛋价格自由浮动的方案。

禽总今日与农业及粮食安全部长拿督斯里莫哈末沙布会面，商讨肉鸡与鸡蛋价格自由浮动的详情，希望可以得到合理价位。

该会顾问拿督黄俊仪受《南洋商报》询问时表示，农粮部将于本月18日公布今天的讨论结果。

他说，这是会议上的决定。

"我们（禽总）除了向他们传达了在价格管制方面的问题，也包括业者们所面对的其他问题。"

另一方面，据了解，禽总与农长今日的会议，主要是详细讨论临时价格管制解除后，肉鸡及鸡蛋浮动价格的提议及具体落实方案等。

上周五，首相拿督斯里安华提呈2024年财政预算案时说，政府将考虑以低于浮动市场的价格为肉鸡和鸡蛋定价，禽总支持政府的这项决定，并关注后续发展。

这是因为过去鸡蛋和肉鸡生产业者的营运成本一直处在有涨无降的状态，政府把鸡蛋与肉鸡顶价定得太低将让业者惠来一定程度的负担。

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Fisheries DG: New patrol boats to reinforce defence over Sarawak waters | | |
| MediaTitle | Borneo Post (Kuching) | | |
| Date | 17 Oct 2023 | Color | Full Color |
| Section | Home | Circulation | 60,767 |
| Page No | 1 | Readership | 182,301 |
| Language | English | ArticleSize | 169 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,305 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 6,915 |





# Fisheries DG: New patrol boats to reinforce defence over Sarawak waters

Sam Chua

KUCHING: Three new high-speed patrol boats have been handed over to the Department of Marine Fisheries Sarawak to support its operations in protecting the state's waters from being encroached by foreign fishing vessels.

Malaysian Fisheries Department deputy director-general (Development) Bohari Leng said the total construction costs of the new patrol boats amounted to RM5 million.

Each boat, according to him, is powered by two four-stroke engines with350 horsepower.

"These boats are equipped with electronic navigation equipment such as GPS, radar, echo-sounder and communication devices, as well as air-conditioning units and toilets for the comfort of the personnel," he said in his speech for the handing-over ceremony at the Sarawak Marine Fisheries Department's jetty at Jalan Sultan Tengah here yesterday.

According to Bohari, there are currently 12 patrol vessels operated by the department in Sarawak, including five high-speed boats. Two of them were handed over last year, and the latest three would be docked at the Marine Fisheries jetties in Tanjung Manis, Santubong and Miri.

Bohari pointed out the new patrol boat, measuring 13 metres in length and 3.45 metres in width, could travel at a speed of 35 knots.

"It is also run up to eight hours in patrolling time, covering a distance of 240 nautical miles.

"The state department was allocated with RM14 million under the 12th Malaysia Plan for the procurement of assets and upgrading of jetties across Sarawak, so as to enhance the efficiency of our MCS (Monitoring, Control and Surveillance) programme to safeguard the state's waters spanning 172,000 square kilometres

"The MCS programme is fully focused on protecting and preserving fisheries resources located within the Exclusive Economic Zone spanning up to 200 nautical miles from the shoreline."

In this regard, he said the additional high-powered patrol boats needed to be procured to enhance the security of the state's waters and two new high-speed patrol boats, should be delivered by 2025.




The new patrol boat is powered by two four-stroke engines with 350 horsepower, and equipped with electronic navigation equipment such as GPS, radar, echo-sounder and communication devices.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Sabah to publish five fisheries plans | | |
| MediaTitle | Borneo Post (KK) | | |
| Date | 17 Oct 2023 | Color | Full Color |
| Section | Home | Circulation | 18,290 |
| Page No | 3 | Readership | 54,870 |
| Language | English | ArticleSize | 392 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,186 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 6,558 |



# Sabah to publish five fisheries plans

Jenne Lajiun

**KOTA KINABALU:** The Sabah Fisheries Department will be publishing five Sabah Fisheries Management Plans (SFMP) for the period of 2023-2030 in the near future.

The plans are divided into four categories, and consist of the Sabah West Coast region, Sabah East Coast region, 'Kerang Darah' Beluran district and Sabah lobsters, said Agriculture, Fisheries and Food Industry Minister Datuk Seri Panglima Dr Jeffrey Kitingan.

"Among others the plans, which will outline the issues and challenges, the list of programmes and the costs involved, will launch the activities according to the schedule fixed," said Dr Jeffrey at the launch of the Sabah Fisheries Department's senior officers conference held at the Promenade Hotel on Monday.

He also said that since 2008, the Sabah Fisheries Department had successfully deployed 1,710 units of artificial reefs at 81 locations in 17 marine districts in Sabah.

"The latest programme is the placement of 40 units of artificial recreation reefs as trawl barriers in the waters of Pulau Tambisan, Lahad Datu on October 12, which was a few days ago," he said.

He added that in 2022, the department also adopted the Ecosystem Approach to Fisheries Management (EAFM) in the management of resources with the local community with regards to the artificial reefs.

He said the first 'Sea Tagal' concept was introduced at Kg Bavang Jamal, Kudat with the placement of 51 units of artificial reefs consisting of the coral reef recreation and 'reef ball'.

At the same time, the development in tuna fisheries received a new breather following the Deep Sea Fishing License Empowerment from 2021.

The Sabah Fisheries Department is now managing the tuna fishing license by fishermen at the Labuan Federal Territory, which was previously managed by the Malaysia Fisheries Department.

"In February, this year, a total of 38 tuna licenses were issued to nine fishermen living in Labuan.

Overall, a total of 77 tuna fishermen were issued licenses with a landing contribution of 2,995.30 metric tonnes in 2021," said Dr Jeffrey.

Aside from that, the department signed a Memorandum of Understanding (MoU) with Petronas on 17 February 2023 for the Fish Aggregating Device (FAD) project, also known as 'payao' among the local fishermen.

"Under this project, the exploitation of tuna fish, especially the Yellowfin Tuna, can be increased," he said.

Meanwhile, seaweed aquaculture development in Sabah contributes 56 percent of the total national aquaculture production.

He said that Sabah also produces the 'Red seaweed' species, producing 307,942.85 metric tonnes wet valued at RM230.96 million in 2022, and generating jobs for 1,554 people in seaweed culture and involving an area of 4,464 hectares, focusing mainly in Semporna which contributes 89.9 percent of Sabah's seaweed production.

He urged for efforts to expand seaweed development at other districts such as Tawau, Tuaran and Sandakan.

In his speech, Dr Jeffrey also said that compared with other Malaysian states, Sabah is lucky to still have abundant fisheries resources.

"The long beaches and the surrounding coral reefs and mangrove forests had prepared vast water areas at the South China Sea, Sulu Sea and Sulawesi Sea to explore fisheries catch and various aquaculture activities capable of bringing lucrative returns," he said.

"Hence, it is not a surprise if Sabah successfully maintains her status as fish supplies exceeding 100 percent of the Self Sufficiency Level (SSL).

"The excess in caught fish commodity export and bred compared with imports have also given a positive balance of trade (BOT) for a long time, which is in the range of RM500 million to RM600 million per annum," he said.

Dr Jeffrey also said that the rebranding of the ministry from Sabah Agriculture and Fisheries Ministry to the Sabah Ministry of Agriculture, Fisheries and Food Industry in early 2023 mirrors the commitment of the Sabah government to ensure food security in Malaysia and in Sabah, continues to be at a stable stage.

Sabah Fisheries Department, as one of the main agencies under this ministry, plays an important role in realising this hope.

He commended Sabah Fisheries Department for implementing and planning programmes to help the State attain her development agenda, which is in line with the Sabah Maju Jaya roadmap.

"One of the Sabah Fisheries Department's important efforts to guarantee fish source supply is through the Stock Enhancement programme.

I am made to understand that the Sabah Marine Fish Fries Centre at Tanjung Badak, Tuaran, for the first time, has successfully produced 28,305 mangrove crablets since the start of the project in 2020.

As of now, there are five programmes for the release of the mangrove crablets in Kota Belud, Kuala Penyu, Kota Marudu and Pitas from 2022," he said.

Aside from the mangrove crabs, throughout 2023, the release of other fries to the public marine waters such as the sea bass (30,000), mussels (2,000 kg), tiger prawns (one million with size of a 18 days-post larvae) and 7,000 sea cucumbers which were implemented at eight districts including Tuaran, Kota Belud, Lahad Datu and Sandakan.

For Fresh Water programmes, a total of 27,500 'lampan' fish fries, ordinary carps and 'turongou' were released at 10 locations in seven districts this year including Keningau, Tambunan and Penampang.

"These commendable efforts which have benefited the communities along the beaches and rural areas should be continued and expanded at all districts in Sabah."

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Sabah to publish five fisheries plans | | |
| MediaTitle | Borneo Post (KK) | | |
| Date | 17 Oct 2023 | Color | Full Color |
| Section | Home | Circulation | 18,290 |
| Page No | 3 | Readership | 54,870 |
| Language | English | ArticleSize | 392 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,186 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 6,558 |



Dr Jeffrey and senior members from the Sabah Fisheries Department at the conference.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Bombed fish: Four jailed | | |
| MediaTitle | Daily Express (KK) | | |
| Date | 17 Oct 2023 | Color | Black/white |
| Section | Nation | Circulation | 25,055 |
| Page No | 6 | Readership | 75,165 |
| Language | English | ArticleSize | 141 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 300 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 900 |




# Bombed fish: Four jailed

**Cynthia D Baga**

KOTA KINABALU: Four men were jailed a year each for having bombed fish.

Sessions Court Judge Elsie Primus handed the sentence to Skipper Saldi Gumbahali, 60, crew members Junyoul Nastih, 49, Saldi Ginaldo, 31, and Welmin Muin, 43, who changed their plea and admitted to the charge against them on Monday.

They were found having the 10 fish caught using explosives at 5.50pm on July 23 this year in a boat at the South Hill Rock waters in Pulau Manukan, here.

The offence, under Section 26(1)(c) of the Fisheries Act 1985 and punishable under Section 25(a) of the same Act and read together with Section 34 of the Penal Code, which provides for a fine of up to RM20,000, or a jail term of up to two years, or both, on conviction.

The court ordered all of them to serve the jail sentence from the date of their arrest.

After completing the jail sentence, the court ordered them except Junyoul, who is Malaysian citizen, to be referred to the Immigration Department for deportation.

The court also ordered all the exhibits seized to be forfeited to the Government of Malaysia.

During mitigation, the four asked for leniency as they have families to look after.

However, Prosecuting Officer William Apin from the Fishery Department urged the court to impose a deterrent sentence for public interest as well as to prevent the sources of fish and marine habitat.

He added that the sentence was also meant to stop the fish bombing activity in Sabah.

The court heard that Marine Police stopped the boat and found about 200kg of various types of fish, believed caught with explosives.

The team also found equipment to bomb the fish in the boat.

The four men, three of them who did not have any identification document, were arrested on suspicion of catching the fish with explosives.

Ten of the fish were sent to the Fisheries Department for investigation and the chemist's report confirmed that they were caught using explosives.

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/10/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 32 |


# Harga baharu belian padi masih rendah

Oleh JAMLIAH ABDULLAH
utusannews@mediamulia.com.my

ALOR SETAR: Badan Bertindak Petani Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) menyifatkan belian padi pada harga RM1,300 satu tan belum mencukupi bagi menampung kos input yang semakin meningkat.

Pengerusinya, Che Ani Mat Zain berkata, beliau berharap kerajaan dapat menaikkan harga siling beras daripada RM2.60 kepada RM3.50 sekilogram (kg) bagi membantu petani menerima harga jualan padi yang lebih munasabah.

"Di pihak pesawah kita rasa sedikit kecewa kerana ingatkan kerajaan memahami keperitan yang dihadapi golongan ini, kita sebenarnya menjangkakan harga belian padi akan naik kepada RM1,400 atau RM1,500 setiap tan.

"Bagaimanapun jangkaan kami meleset apabila Perdana Menteri hanya umum kenaikan sebanyak RM100 daripada RM1,200. Ia tidak mencukupi untuk mengurangkan kos input tinggi yang perlu kami tanggung bagi mengusahakan padi," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam Belanjawan 2024, Jumaat lepas mengumumkan harga lantai belian padi dinaikkan kepada RM1,300 setiap tan.

Sebelum ini, akhbar ini turut melaporkan demonstrasi petani di seluruh Kedah ekoran tindakan pengilang menurunkan harga belian tanaman itu daripada RM1,700 kepada RM1,250 setiap tan sejak awal Oktober lalu.

Tambah Che Ani, harga lantai RM1,300 masih jauh daripada RM1,700 setiap tan yang dibayar oleh pengilang padi sebelum tiba-tiba menurunkan secara drastik harga tersebut kepada RM1,250.

Beliau menjelaskan, harga siling beras RM2.60 sekilogram adalah yang terendah di Asia Tenggara tidak lagi relevan kerana kos input meningkat beberapa kali ganda sejak sedekad lalu.

"Malah di Vietnam, Thailand dan Laos yang merupakan pengeluar utama beras di rantau ini, beras putih dijual masing-masing pada harga RM3.60, RM3.50 dan RM5.70 sekilogram tetapi kita masih jual RM2.60. Di Singapura pula beras dijual RM6.80 sekilogram manakala harga di Brunei kira-kira RM6.70 sekilogram.

> **Di pihak pesawah kita rasa sedikit kecewa kerana ingatkan kerajaan memahami keperitan yang dihadapi golongan ini, kita sebenarnya menjangkakan harga belian padi akan naik kepada RM1,400 atau RM1,500 setiap tan."**

"Harga itu perlu dikaji semula untuk menggambarkan kos pengeluaran semasa dan risiko yang perlu kita tanggung apabila tanaman rosak akibat bencana alam dan serangan penyakit serta haiwan perosak," katanya.

Dalam pada itu menurut seorang petani, Muhammad Aeffandi Aziz, 40, dari Pendang, kos mengerjakan sawah ketika ini meningkat antara RM10 hingga RM20 setiap hektar termasuk upah mesin padi dan traktor.

"Apabila belian padi naik RM1,700 dahulu pengusaha mesin padi dan traktor ini mula naikkan upah sewa mereka. Tetapi apabila harga belian sudah turun adakah mereka akan turunkan semula caj tersebut?

"Bagi kami, paling munasabah belian padi adalah RM1,500 setiap tan, dapatlah tampung kos kenaikan input. Kalau naik RM100 mungkin itu cukup untuk tampung kenaikan kos sahaja. Apabila naik RM1,700 dahulu kami bahagia tetapi rupanya sekejap sahaja," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/10/2023 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 10 |

# 4,839 hektar tanah di Sabah, Sarawak jadi tempat tanam padi



AHMAD ZAHID

**KUALA LUMPUR** - Kerajaan akan memajukan tanah seluas 4,839 hektar di Sabah dan Sarawak untuk dijadikan kawasan penanaman padi, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Beliau yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata, ia melibatkan tanah seluas 2,159 hektar di Sabah iaitu di Beluran dan Kota Belud manakala 2,680 hektar di Sarawak melibatkan kawasan Batang Lupar.

"50,000 hektar dimaksudkan itu perancangan jangka panjang, tetapi setakat ini seluas 4,839 hektar telah disahkan untuk dibangunkan (penanaman padi) di Sabah dan Sarawak," katanya.

Beliau menjawab soalan **Datuk Seri Mohd Shafie Apdal (Warisan-Semporna)** mengenai lokasi dan peruntukan yang terlibat bagi projek penanaman padi di kawasan seluas 50,000 hektar di Sabah dan Sarawak.

Ahmad Zahid berkata, perbincangan telah diadakan bersama Premier Sarawak dan Ketua Menteri Sabah berkenaan perkara itu yang antara lain bertujuan mempertingkatkan tahap sara diri (SSL) negara, sekali gus meningkatkan produktiviti padi dan beras negara.

Beliau berkata, Felcra Berhad telah dipertanggungjawabkan untuk membangunkan estet padi berskala besar di kedua-dua negeri itu berikutan kejayaannya dalam memajukan kawasan tanaman padi seluas lebih daripada 4,500 hektar di Seberang Perak.

"Felcra pinjam A$$50 juta daripada Bank Dunia ketika bangun estet padi Seberang Perak dan semua sudah dibayar. Seluas 4,500 hektar telah dibangunkan, penghasilan lima metrik tan per hektar melibatkan 22,500 metrik tan semusim," katanya. - *Bernama*

# Kerajaan dicadang apungkan harga beras putih tempatan



JOHARI

**KUALA LUMPUR** - Kerajaan dicadangkan mengapungkan harga beras putih tempatan iaitu tidak menyekatnya dengan harga siling RM2.60 setiap kilogram (kg).

Ahli Parlimen Titiwangsa, Datuk Seri Johari Abdul Ghani menegaskan, tindakan melepaskan harga kawalan kepada pasaran akan membantu menstabilkan semula bekalan beras putih tempatan dalam pasaran untuk tempoh jangka pendek dan sederhana.

Katanya, sebarang kesan kenaikan harga beras putih tempatan kepada kumpulan berpendapatan rendah dan menengah rendah boleh dikurangkan dengan kerajaan menambah bantuan tunai terus kepada kumpulan yang terjejas itu.

"Malah saya yakin perbelanjaan bantuan tunai akan lebih rendah daripada jumlah subsidi yang disebabkan oleh kawalan harga yang ditetapkan kerajaan.

"Terlalu banyak kesan negatif kawalan harga ke atas semua peringkat bekalan beras dalam negara," katanya.

Mengulas lanjut, bekas Menteri Kewangan II itu mendakwa, kawalan harga yang dibuat menggalakkan pengilang untuk menyorokkan stok beras mereka dan tidak membungkus serta mengedarkannya kepada pemborong.

"Jika kawalan harga ini dapat dilepaskan, saya yakin isu stok beras disorok tidak akan timbul.

""Jika kerajaan tidak mahu harga beras putih tempatan naik keterlaluan dengan peniaga mengambil untung berlebihan, kerajaan bolehlah memastikan perkara ini tidak berlaku melalui kawalan antipencatutan yang memantau pengambilan keuntungan berlebihan oleh peniaga," syornya lagi.

Ujarnya, ketika ini berlaku perbezaan harga yang begitu ketara antara harga beras putih import dengan dengan harga beras putih import yang dikawal harganya pada kadar RM26 setiap kampit 10kg yang menjadi punca kekurangan beras putih tempatan dalam pasaran.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 17/10/2023 | HARIAN METRO | LOKAL | 18 |

# Bakal jadi negeri 'jelapang padi' baru

*Sabah, Sarawak ada kawasan berpotensi jadi kawasan sekuriti makanan*

**Oleh Mahaizura Abd Malik**
mahaizura@mediaprima.com.my



FELCRA diamanahkan untuk bangun estet padi berskala besar di Sabah dan Sarawak.

**Kuala Lumpur**

Kerajaan mengenal pasti 4,839 hektar tanah berpotensi di Sabah dan Sarawak untuk membangunkan projek sawah padi bagi menjamin sekuriti makanan.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, beliau mengadakan perundingan bersama Ketua Menteri Sabah dan Premier Sarawak bertujuan merealisasikan usaha menjamin keselamatan makanan negara dan meningkatkan Tahap Sara Diri (SSL) beras Negara.

Katanya, kedua-dua negeri itu memberikan maklum balas yang amat positif terhadap cadangan berkenaan.

"Beberapa siri perbincangan juga diadakan bersama Jawatankuasa Teknikal di kedua-dua wilayah.

"Sehingga kini, jumlah keluasan kawasan berpotensi yang sesuai untuk pembangunan estet padi adalah seluas 4,839 hektar.

"Sebanyak 2,159 hektar di Sabah (yang bertumpu di Daerah Beluran dan Kota Belud) dan 2,680 hektar di Sarawak (yang bertumpu di Daerah Batang Lupar)," katanya di Dewan Rakyat semalam.

> "2,680 hektar di Sarawak (yang bertumpu di Daerah Batang Lupar)
> Zahid

Beliau menjawab soalan dikemukakan Mohd Ahafie Apdal (Warisan-Semporna) mengenai lokasi terperinci lokasi dan peruntukan bagi projek penanaman padi di kawasan seluas 50,000 hektar di Sabah dan Sarawak.

Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah itu berkata, FELCRA Berhad dipertanggungjawabkan untuk membangunkan sawah padi berskala besar di Sabah dan Sarawak seperti mana projek dilaksanakan di Seberang Perak.

"FELCRA telah memajukan seluas lebih daripada 4,500 hektar tanaman padi di Seberang Perak yang telah menghasilkan purata produktiviti sebanyak lima metrik tan sehektar semusim atau 22,500 metrik tan semusim.

"Ini bermakna, pengeluaran tahunan padi di Seberang Perak adalah 45,000 metrik tan setahun.

"Estet padi Seberang Perak telah dapat memberikan manfaat kepada 1,035 peserta," katanya.

## RM30 juta sudah disalur kepada pesawah

**Kuala Lumpur:** Sebanyak RM30 juta daripada keseluruhan RM60 juta peruntukan bantuan khas daripada Padiberas Nasional Bhd (Bernas) sudah disalurkan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan kepada pesawah yang layak.

Timbalan Menteri berkenaan Chan Foong Hin berkata, sumbangan sebanyak RM250 kepada pesawah yang layak itu telah dilakukan secara berperingkat dengan penyaluran pertama adalah berjumlah RM10 juta manakala kedua berjumlah RM20 juta.

"Penyaluran pertama dilakukan kepada tiga negeri di pantai timur iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang, manakala penyaluran kedua sebanyak RM20 juta adalah kepada pesawah di Kedah, Perlis, Pulau Pinang, Selangor dan Negeri Sembilan.

"Penyaluran bantuan bagi pesawah di Perak dan negeri-negeri lain akan dilaksanakan pada peringkat yang seterusnya," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat di sini, semalam.

Beliau berkata demikian menjawab soalan Mohd Misbahul Munir Masduki (PN-Parit Buntar) yang ingin tahu masalah yang menyebabkan petani di Perak belum mendapat sumbangan RM250 daripada Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhari sedangkan sumbangan tersebut sudahpun disalurkan kepada kerajaan. - Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 17/10/2023 | HARIAN METRO | LOKAL | 21 |


# Harga ayam naik 4 kali dalam seminggu

## *Dijual pada harga RM9.40 sekilogram berbanding RM8.30 sekilogram minggu lalu*


**Oleh Hidayatidayu Razali**
am@hmetro.com.my


**Kota Bharu**

Peniaga mendakwa harga ayam naik sebanyak empat kali dalam tempoh seminggu menyebabkan barangan mentah itu dijual dengan RM9.40 sekilogram.

Tinjauan di Pasar Besar Siti Khadijah di sini, mendapati ayam mentah dijual dengan harga RM9.40 sekilogram berbanding minggu lalu sekitar RM8.30 sekilogram.

Peniaga, Zarina Abdullah, 54, berkata, dalam tempoh dua hari harga naik sebanyak 30 sen dan dalam minggu ini sudah empat kali ayam naik.

Menurutnya, setakat ini harga sudah naik sebanyak RM1.20 sekilogram dan jika tidak dipantau kemungkinan harga akan naik dengan lebih tinggi.

"Kami sebagai peniaga tidak boleh jual dengan harga yang tinggi memandangkan harga kawalannya atau siling hanya RM9.40 sekilogram.

"Jika minggu lalu, saya jual ayam dengan harga RM8.30 sekilogram, namun minggu ini perlu jual RM9.40 sekilogram.

"Kalau saya jual dengan harga rendah, saya perlu menanggung kerugian kerana harga yang dibeli daripada pemborong adalah tinggi.

"Jika perkara ini tidak dipantau, ia bukan sahaja membebankan peniaga, malah pengguna yang merasai beban kenaikan harga ayam dan barangan lain," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Ibu kepada tiga anak itu berkata, faktor kenaikan mungkin disebabkan permintaan yang tinggi pada bulan ini kerana ramai yang membeli untuk dijadikan juadah sempena sambutan Maulidur Rasul.

"Saya perhati kalau musim cuti sekolah atau sambutan majlis termasuk hari raya dan kenduri kahwin menyebabkan permintaan yang tinggi, sekali gus mendorong harga naik terutama daripada ladang dan pemborong," katanya.

Pelanggan, Azmi Semit, 57, pula berkata, harga ayam naik dalam tempoh seminggu ini menyebabkan dia sebagai pembeli rasa terbeban.

"Saya harap pihak berkenaan membuat pemantauan untuk mengelakkan harga ayam ini terus naik ke paras yang lebih tinggi.

"Jika tidak dipantau pihak ladang dan pemborong akan mengambil kesempatan apabila akan menaikkan harga sesuka hati," katanya yang bekerja sebagai penghantar barang.




ZARINA ketika ditemui di di Pasar Besar Siti Khadijah, semalam. - Gambar NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR

**"Kami sebagai peniaga tidak boleh jual dengan harga yang tinggi memandangkan harga kawalannya atau siling hanya RM9.40 sekilogram"**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 17/10/2023 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 13 |

# Harga ayam naik empat kali dalam seminggu




*Zarina mendakwa permintaan tinggi punca kenaikan harga ayam ketika ditemui di Pasar Besar Siti Khadijah, Kota Bharu.* (Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

**Kota Bharu:** Peniaga mendakwa harga ayam naik empat kali dalam tempoh seminggu sehingga barangan mentah itu kini dijual RM9.40 sekilogram berbanding RM8.30 sekilo minggu lalu.

Zarina Abdullah, 54, peniaga di Pasar Besar Siti Khadijah di sini berkata, dalam tempoh dua hari harga naik 30 sen dan dalam minggu ini sudah empat kali ayam naik.

Setakat ini, harga sudah naik RM1.20 sekilogram dan jika tidak dipantau kemungkinan harga akan naik lebih tinggi.

"Kami peniaga tak boleh jual harga tinggi memandangkan harga kawalannya atau siling hanya RM9.40 sekilogram.

"Jika minggu lalu, saya jual ayam dengan harga RM8.30 sekilogram, namun minggu ini saya perlu jual RM9.40 sekilogram.

"Kalau saya jual dengan harga rendah, saya perlu menanggung kerugian kerana harga yang dibeli daripada pemborong tinggi.

"Jika perkara ini tidak dipantau, ia bukan sahaja membebankan peniaga, malah pengguna lebih terbeban kenaikan harga ayam dan barangan lain," katanya ditemui semalam.

Ibu kepada tiga anak itu berkata, faktor kenaikan mungkin disebabkan permintaan yang tinggi pada bulan lalu kerana ramai yang membeli untuk dijadikan juadah sambutan Maulidur Rasul.

Pelanggan, Azmi Semit, 57, pula berkata harga ayam naik dalam tempoh seminggu ini menyebabkan dia sebagai pembeli rasa terbeban.

"Saya harap pihak berkuasa membuat pemantauan untuk mengelakkan harga ayam ini terus naik ke paras lebih tinggi," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/10/2023 | UTUSAN MALAYSIA | EKONOMI | 35 |

# Saham syarikat telur, ayam meningkat

**PETALING JAYA:** Pasaran saham syarikat-syarikat berkaitan telur dan ayam meningkat dalam dagangan pagi semalam susulan pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam Belanjawan 2024 bahawa kawalan harga sementara ke atas ayam dan telur akan ditarik balik.

Antara kaunter yang aktif ialah Lay Hong Bhd., meningkat 15.79 peratus atau 4.5 sen kepada 33 sen, diterjemahkan kepada permodalan pasaran kira-kira RM240.6 juta dengan 32.57 juta saham bertukar tangan.

Ia diikuti oleh Leong Hup International Bhd. yang meningkat 6.72 peratus atau empat sen kepada 59.5 sen dengan menilai syarikat itu pada RM2.29 bilion. Saham syarikat itu juga antara 20 saham aktif teratas dengan 17.33 juta saham didagangkan.

Saham TPC Plus Bhd. pula menokok 4.76 peratus atau 1.5 sen kepada 31.5 sen, diterjemahkan kepada permodalan pasaran RM102 juta, dengan 1.2 juta saham bertukar tangan. PWF Corp Bhd. naik 4.69 peratus atau tiga sen kepada 64 sen.

Sementara itu, saham LTKM Bhd. yang jatuh ke paras terendah 10 bulan selepas pengambilalihan terbalik bernilai RM336 juta dan perjanjian pelupusan perniagaan telur pada awal Oktober, meningkat 3.1 peratus atau empat sen kepada RM1.33.

Harga saham CAB Cakaran Corp Bhd. pula meningkat 1.56 peratus atau satu sen kepada 64 sen.

Teo Seng Capital Bhd. bagaimanapun tidak berubah pada RM1.34, manakala QL Resources Bhd. susut 0.54 peratus atau tiga sen kepada RM5.50

Anwar ketika membentangkan Belanjawan 2024 Jumaat lalu dilaporkan berkata, kawalan harga sementara bagi telur dan ayam yang ditetapkan sebelum ini akan 'dilepaskan' supaya pasaran tempatan boleh berfungsi dengan bebas dalam memastikan keterjaminan bekalan tersebut di pasaran.

Beliau berkata, pengumuman berkenaan langkah konkrit akan diperincikan oleh Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu dalam tempoh dua minggu ini.

"Sejak Februari 2022, soal subsidi telur dan ayam yang dulu hanya diperkenalkan semasa musim perayaan, tetapi sekarang berterusan dengan tanggungan kerajaan sejak itu ialah sebanyak RM3.8 bilion untuk subsidi telur dan ayam ini termasuk untuk golongan kaya dan orang asing.

"Sekarang kebetulan harga ayam dan telur mulai stabil dan oleh demikian kerajaan menimbang supaya diapungkan berdasarkan harga yang lebih rendah daripada harga apungan kerajaan dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah berunding dengan pihak pengeluar dan memastikan tidak ada kenaikan yang tidak munasabah oleh syarikat dan peniaga," kata beliau.



**PEMBELI membeli telur ayam dan ayam di sebuah pasar raya. Harga telur dan ayam dijangka meningkat selepas kerajaan memutuskan untuk mengapungkannya kembali. - GAMBAR HIASAN**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/10/2023 | THE STAR | NATION | 2 |

# Chicken and egg issue will be tackled, pledges PM

**PUTRAJAYA:** While the prices of chicken and eggs will be floated again, any issues involving the two essential goods in the future will be tackled, the Prime Minister has assured the people.

Datuk Seri Anwar Ibrahim said the rationale behind the lifting of the ceiling price was because these items had seen lower prices in the past weeks.

"The government had to fork out RM3.6bil in subsidies while ceiling prices for chicken and eggs were in place," he pointed out.

Speaking at the Prime Minister's Department's monthly assembly yesterday, Anwar said this decision had raised concerns among the public.

He said that the government continued to subsidise these foods even when the prices had come down, adding that all the while, price controls were imposed only during festive occasions.

"Now, we will float the prices. If at all there are issues, we will tackle them," he said.

In Budget 2024, Anwar announced that the temporary price controls will be lifted so that the market can function freely to ensure a sufficient supply of chicken and eggs in the market.

Details of these measures are set to be announced by the Agriculture and Food Security Ministry in two weeks.

Economists say there would be short-term volatility in chicken and egg prices following the lifting of the ceiling prices for the two essential items.

Their prices are expected to fluctuate over the next few months depending on supply, with consumers likely to pay more initially before prices stabilise.

The Prime Minister said the government will not stop its subsidy policies as it will affect the people, especially those in the lower and middle-income groups.

He also said he was aware that points on subsidies in his Budget for 2024 have received various interpretations.

"Some are saying that the government is burdening the people. But it must be pointed out that the decision... on the subsidy on electricity will only affect 10% of the consumers who are in the T10 income category," he said.

By removing the subsidy for wealthy electricity users, the government would save RM4.6bil, which could be channelled into better use, Anwar added.

In Budget 2024, electricity bill rebates of up to RM40 per month for the hardcore poor will continue, with an allocation of RM55mil.